

Mualaf Cina Sebagai Agen Dakwah dan Perantara Budaya di Malaysia

BITARA

Volume 8, Issue 2, 2025: 202-215
© The Author(s) 2025
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>
Received: 1 May 2025
Accepted: 25 May 2025
Published: 30 June 2025

[Chinese Convert as Agents of Da'wah and Cultural Intermediaries in Malaysia]

Norhana Abdullah @ Ng Siew Boey^{1*} Khairul Anwar Mastor^{1&2}, Razaleigh Muhamat @ Kawangit^{1&3} Ahmad Yunus Mohd Noor^{1&3} & Azarudin Awang⁴

- 1 Institute Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia. 43600. Bandar Baru Bangi. Selangor, MALAYSIA
E-mail: P104801@siswa.ukm.edu, norhana@macma.my; raza@ukm.edu.my;
- 2 Fakulti Kepimpinan & Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), 71800 Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan, MALAYSIA
E-mail: kam2000@ukm.edu.my; khairulanwar@usim.edu.my
- 3 Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA
E-mail: a_yunus@ukm.edu.my
- 4 Universiti Teknologi Mara (UiTM) Cawangan Terengganu, Kampus Dungun, 23000 Dungun, Terengganu. Malaysia
E-mail: azaru154@uitm.edu.my

*Corresponding Author: P104801@siswa.ukm.edu

Abstrak

Artikel ini meneliti peranan mualaf Cina sebagai agen dakwah dan perantara budaya dalam konteks masyarakat majmuk di Malaysia. Proses pengislaman bukan sahaja melibatkan transformasi akidah dan amalan keagamaan, malah membentuk identiti baharu hasil gabungan antara budaya asal dan ajaran Islam. Justeru, kajian ini adalah bertujuan untuk meneroka peranan mualaf Cina sebagai agen dakwah dan perantara budaya dalam konteks masyarakat majmuk di Malaysia. Melalui pendekatan kualitatif, kajian ini menyoroti bagaimana mualaf Cina memainkan peranan aktif dalam menjelaskan Islam kepada bukan Muslim serta menjambatani jurang kefahaman budaya antara komuniti Muslim dan bukan Muslim. Hasil kajian menunjukkan bahawa pengalaman unik mereka sebagai *insider-outsider* menjadikan mereka aktor penting dalam dakwah kontekstual yang bersifat damai, inklusif dan berteraskan nilai silang budaya

Key Words: Mualaf, Dakwah, Budaya, Islam, Malaysia.

Abstract

This article examines the role of Chinese Muslim converts as agents of da'wah and cultural intermediaries within Malaysia's pluralistic society. The process of conversion to Islam involves not only a transformation of faith and religious practices but also the formation of a new identity that reflects the interaction between one's original culture and Islam. Using a qualitative approach, this study explores how Chinese Muslim converts actively engage in explaining Islam to non-Muslims and in bridging cultural understanding between Muslim and non-Muslim communities. The findings reveal that their unique position as insider-outsiders enables them to become key actors in contextual da'wah that is peaceful, inclusive, and grounded in intercultural values.

Key Words: Converts, Da'wah, Culture, Islam, Malaysia.



This is an open-access article under the CC-BY 4.0 license

Cite This Article:

Norhana Abdullah @ Ng Siew Boey, Khairul Anwar Mastor, Razaleigh Muhamat@Kawangit, Ahmad Yunus Mohd Noor & Azarudin Awang. (2025). Mualaf Cina Sebagai Agen Dakwah dan Perantara Budaya di Malaysia [Chinese Convert as Agents of Da'wah and Cultural Intermediaries in Malaysia]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 8(2): 202-215.

Pengenalan

Malaysia sebagai sebuah negara majmuk yang terdiri daripada pelbagai kaum dan agama menawarkan landskap sosial yang kompleks dan dinamik. Dalam fenomena *konversi* agama, khususnya dalam kalangan masyarakat Cina di Malaysia, ia memperlihatkan bahawa mualaf Cina berhadapan dengan dinamika identiti yang rumit dari pelbagai dimensi. Mualaf Cina sering berada dalam kedudukan antara dua dunia—agama dan budaya asal serta kepercayaan baharu—menjadikan mereka satu entiti sosial yang unik dan signifikan dalam memahami interaksi antara agama dan etnik di Malaysia.

Proses peralihan ini bukan sahaja menyentuh aspek rohani dan amalan individu, tetapi juga melibatkan penyesuaian dalam konteks sosial dan budaya yang lebih luas. Dalam hal ini, mualaf Cina tidak hanya mengalami perubahan identiti secara peribadi, tetapi turut memainkan peranan aktif sebagai agen dakwah dan perantara budaya. Mereka berfungsi sebagai jambatan yang menghubungkan komuniti Muslim dengan komuniti bukan Muslim, melalui penyampaian mesej Islam yang lebih kontekstual, empatik dan bersesuaian dengan sensitiviti budaya Cina. Artikel ini bertujuan untuk meneroka secara empirikal peranan mualaf Cina sebagai agen dakwah dan penghubung budaya dalam kehidupan masyarakat majmuk di Malaysia. Kajian ini penting kerana ia memberikan pemahaman yang lebih mendalam tentang bagaimana identiti mualaf Cina dibentuk selepas memeluk Islam serta bagaimana latar belakang budaya asal mereka dimanfaatkan dalam menjayakan peranan sebagai agen dakwah dan perantara budaya.

Tinjauan Literatur

Dakwah secara asasnya merujuk kepada usaha menyeru, mengajak, dan menyampaikan ajaran Islam kepada orang lain, sama ada Muslim mahupun bukan Muslim, dengan tujuan memperkukuh kefahaman dan pengamalan agama (Maryam dan Khazri, 2022). Menurut M Ariffin (2004), dakwah adalah satu ajakan yang baik dalam bentuk lisan, tulisan, tingkah laku dan sebagainya tetapi melibatkan pendekatan yang sedar, terancang, dan tanpa paksaan, dengan penghayatan terhadap ajaran Islam dalam diri individu atau kumpulan.

Dalam konteks ini, agen dakwah merujuk kepada individu atau kumpulan yang memainkan peranan aktif dalam melaksanakan misi dakwah. Agen dakwah boleh terdiri daripada para pendakwah rasmi, tokoh agama, mualaf, aktivis, atau mana-mana individu yang menyampaikan mesej Islam dalam kapasiti peribadi atau institusi (Maryam dan Khazri, 2022). Keberkesanan dakwah bergantung kepada kebijaksanaan agen dakwah dalam memahami latar belakang khalayak, menggunakan pendekatan yang bersesuaian, serta menzahirkan nilai-nilai

Islam secara berhemah dan inklusif. Oleh itu, agen dakwah merupakan tunjang penting dalam memastikan dakwah Islam sampai kepada masyarakat dengan cara yang relevan dan berkesan.

Mualaf merujuk kepada individu bukan Islam yang memeluk agama Islam secara sedar dan sukarela. Proses ini bukan sahaja melibatkan perubahan akidah, tetapi juga penyesuaian dalam aspek amalan harian, sosial dan budaya. Di Malaysia, mualaf sering berdepan cabaran dalam mengekalkan hubungan dengan keluarga asal dan membina identiti baharu sebagai Muslim. Namun, mereka juga berpotensi menjadi jambatan penting antara komuniti Muslim dan bukan Muslim melalui pengalaman serta latar budaya mereka. Kajian-kajian terdahulu berkaitan mualaf di Malaysia dan rantau Asia Tenggara secara umum memberi penekanan terhadap pengalaman pasca-*konversi* (Kamarulzaman dan Nur A'thiroh (2020), termasuk cabaran mengalihkan dari kumpulan majoriti kepada minoriti (Zhou, 2022), masalah identiti dengan stigma identiti “masuk Melayu” (Puah et al., 2021). Perhatian turut diberikan kepada aspek sokongan institusi dakwah, penglibatan NGO Islam, serta pendidikan agama sebagai medium integrasi (Siti Haslina et al., 2024).

Namun begitu, peranan mualaf sebagai agen dakwah dan jambatan antara budaya masih kurang diberi penekanan secara mendalam dalam wacana akademik. Walaupun begitu, dalam praktiknya, mereka sering berada di barisan hadapan dalam menerangkan Islam kepada bukan Muslim dan menyesuaikan cara penyampaian mesej agama mengikut latar belakang budaya asal mereka. Sealy (2021), misalnya, mengetengahkan konsep mualaf sebagai ‘jambatan budaya’ dalam konteks Eropah, yang menghubungkan komuniti Muslim kelahiran dengan masyarakat majoriti bukan Islam. Konsep ini boleh diterapkan secara kritis dalam konteks Malaysia yang turut memperlihatkan realiti sosio-agama yang serupa.

Teori identiti budaya yang diperkenalkan oleh Stuart Hall (1989) menjadi asas yang berguna untuk memahami dinamika pembentukan identiti mualaf. Identiti, menurut Hall, bukanlah entiti tetap atau mutlak, tetapi satu proses berterusan yang dibentuk melalui pengalaman sejarah, konteks sosial, dan interaksi kuasa. Dalam kes mualaf Cina, identiti mereka mewakili bentuk hibrid budaya dan keagamaan, di mana unsur kecinaan tidak semestinya digugurkan selepas *konversi*. Sebaliknya, ramai yang memilih untuk mengintegrasikan elemen budaya Cina bersama komitmen keislaman mereka, sekaligus menunjukkan bahawa asimilasi penuh ke dalam budaya Melayu bukanlah satu-satunya jalan penyelesaian pasca-*konversi* (Zhou, 2022).

Konsep "*cultural brokers*" seperti diuraikan oleh Boissevain (1974) turut memberikan satu bentuk kerangka teoretikal yang relevan. *Cultural brokers* ialah individu yang memainkan peranan sebagai pengantara antara dua atau lebih sistem budaya, sekaligus memudahkan komunikasi, pertukaran maklumat dan pemahaman silang budaya. Dalam konteks ini, mualaf Cina yang memahami kedua-dua budaya Cina dan ajaran Islam mempunyai potensi besar untuk menyampaikan mesej Islam dalam bentuk yang lebih sensitif dan dapat diterima oleh komuniti bukan Muslim (Norhana et al., 2024).

Peranan ini turut dapat difahami melalui kerangka ‘kosmopolitanisme harian’ seperti yang dicadangkan oleh Bayat (2008), di mana mualaf membina identiti melalui pengalaman

harian yang melangkau batas-batas budaya dan agama. Mereka beroperasi dalam apa yang disebut Pratt (1991) sebagai “*contact zones*” yakni ruang sosial yang mempertemukan pelbagai identiti dan menjana interaksi yang kompleks. Dalam konteks negara Malaysia, mereka berfungsi sebagai zon interaksi antara tiga sumber identiti: etnik Cina, agama Islam dan kewarganegaraan Malaysia. Senario ini mempunyai persamaan dengan pengalaman Cina Muslim di Indonesia (Hew, 2018).

Akhir sekali, pendekatan dakwah kontekstual yang dicadangkan oleh Farid Esack (1997) yang menekankan kepada nilai empati, keadilan sosial, dan kesesuaian budaya, dilihat sebagai sangat relevan dalam kerangka ini. Mualaf Cina Muslim yang memiliki kefahaman mendalam terhadap budaya asal mereka serta pengalaman spiritual sebagai Muslim, berada dalam kedudukan strategik untuk mengamalkan dakwah yang bersifat inklusif.

Artikel ini akan cuba mengisi jurang dalam literatur dengan memberikan tumpuan kepada dimensi aktif mualaf Cina sebagai agen perubahan sosial dan budaya yang dilihat memainkan peranan penting dalam membina jambatan antara komuniti dalam konteks dakwah kontemporari di Malaysia.

Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berbentuk eksploratori, dengan tujuan memahami secara mendalam pengalaman dan peranan mualaf Cina dalam konteks dakwah dan hubungan antara budaya (Croswell dan Poth (2017)). Kaedah pengumpulan data utama ialah melalui temu bual separa berstruktur, yang membolehkan penyoal menyelami perspektif peribadi informan dengan mengekalkan fokus tematik yang diperlukan.

Seramai enam orang mualaf Cina Muslim dipilih sebagai informan dengan melibatkan lelaki dan wanita berumur antara 30 hingga 47 tahun, serta latar belakang ekonomi sosial dan pendidikan yang pelbagai. Pemilihan informan dibuat secara bertujuan (*purposive sampling*) dengan mengambil kira latar belakang geografi (Lembah Klang, Pantai Timur, Utara dan Selatan Semenanjung Malaysia), serta keterlibatan mereka dalam aktiviti dakwah dan interaksi antara komuniti.

Data yang dikumpul dianalisis menggunakan pendekatan analisis tematik (Braun & Clarke, 2006), yang melibatkan proses pengkodan terbuka, pengenalpastian tema, dan pembinaan kategori yang mencerminkan isu-isu utama kajian. Fokus analisis diberikan kepada tiga dimensi utama iaitu kesedaran mualaf terhadap peranan dakwah berdasarkan pengalaman pasca-konversi, fungsi mualaf sebagai pengantara budaya dalam interaksi antara Muslim dan bukan Muslim; dan usaha yang dilakukan oleh mualaf dalam menjernihkan salah faham agama dalam kalangan keluarga serta membina keharmonian antara etnik. Pemerhatian terhadap latar sosial dan naratif hidup mualaf membolehkan kajian ini merumuskan dinamika identiti serta peranan mereka dengan lebih kontekstual dan holistik.

Dapatan dan Perbincangan

Bahagian ini membentangkan dapatan utama kajian berdasarkan hasil temu bual bersama mualaf Cina di Malaysia. Hasil analisis tematik menunjukkan bahawa mualaf bukan sahaja melalui proses pembentukan identiti baharu selepas memeluk Islam, tetapi juga berperanan aktif sebagai agen dakwah dan perantara budaya dalam masyarakat. Pengalaman unik mereka sebagai ‘bekas’ bukan Muslim memberikan perspektif tersendiri dalam menyampaikan mesej Islam secara lebih berhemah, empatik, dan kontekstual. Selain menjalankan dakwah melalui perkongsian pengalaman peribadi dan teladan akhlak, mereka juga memainkan fungsi penting sebagai “penterjemah budaya” yang merungkai jurang kefahaman antara komuniti Muslim dan bukan Muslim. Namun begitu, proses ini tidak bebas daripada cabaran. Mualaf sering terperangkap dalam dilema identiti serta terdedah kepada salah faham dan stereotaip dari kedua-dua komuniti. Perbincangan ini akan dihuraikan mengikut tiga tema utama: kesedaran pendekatan dakwah kontekstual berasaskan pengalaman, peranan sebagai perantara budaya, dan cabaran dalam menggalas peranan sebagai jambatan sosial.

Kesedaran terhadap Peranan Dakwah Pasca-Konversi

Sebahagian besar informan menyedari bahawa pengalaman mereka sebagai bekas bukan Muslim memberikan kredibiliti dalam berdakwah kepada rakan dan keluarga bukan Islam. Mereka memahami sensitiviti budaya Cina dan mampu menyampaikan mesej Islam secara lebih hikmah tanpa konfrontasi kepada keluarga dan masyarakat asal. Contohnya, seorang INFO5 menyatakan seperti yang berikut:

“Sebab kita mualaf yang memeluk Islam ia umpama satu benda, kita mendapat hidayah, seumpama kita dapat satu mutiara atau *diamond* yang paling rare yang kita tidak pernah sangka kita akan dapat. Bila kita dapat dan kita rasa dengan secara automatik kita hendak mengkongsikan dengan orang-orang lain. Dan apabila kita dapat menceburi bidang ini, dia tidak mampu untuk berhenti. (INFO5 berusia 37 tahun memeluk Islam pada tahun 2011).

“Tetapi satu- satunya agama yang betul adalah Islam. Kita mahu menyelamatkan mereka, kita tidak mahu mereka berakhir dalam neraka di akhirat. Jadi ini yang mendorong saya untuk melibatkan diri dalam aktiviti dakwah untuk sampaikan mesej Islam kepada ahli keluarga, kepada kawan-kawan saya dan kepada mereka yang bukan Muslim supaya mereka boleh terima.” (INFO6 berusia 47 tahun memeluk Islam pada tahun 1996)

Kesimpulannya, kesedaran dalam kalangan mualaf Cina Muslim terhadap peranan mereka sebagai agen dakwah lahir daripada pengalaman rohaniah yang mendalam serta

keinsafan terhadap nilai kebenaran Islam yang mereka temui. Keinginan untuk berkongsi "mutiara" hidayah yang mereka peroleh menjadi dorongan kuat untuk terlibat secara aktif dalam aktiviti dakwah.

Ini menunjukkan bahawa peranan dakwah tidak semestinya terhad kepada ceramah atau aktiviti rasmi, tetapi juga berlaku dalam interaksi harian melalui perkongsian naratif peribadi dan penjelasan terhadap salah faham umum terhadap Islam. Kesedaran ini selari dengan pendekatan dakwah kontekstual (Esack, 1997) yang menekankan pendekatan yang empatik dan bersesuaian dengan realiti budaya setempat. Mualaf bukan sahaja menyampaikan mesej Islam, tetapi turut menyampaikannya dalam bentuk yang lebih difahami dan boleh diterima oleh komuniti asal mereka.

Dalam kerangka identiti budaya Hall (1990), dakwah bagi mualaf bukan sekadar pengisian peranan agama baru, tetapi juga sebahagian daripada pembentukan identiti diri dalam ruang pertemuan budaya. Dalam konteks masyarakat majmuk Malaysia, kesedaran ini menjadi asas penting kepada bentuk dakwah yang lebih kontekstual dan mampu menjangkau pelbagai latar budaya secara hikmah dan berkesan.

Menjernihkan Salah Faham dan Membangun Jambatan Antara Komuniti

Mualaf sering berdepan dengan soalan atau salah tanggapan terhadap Islam yang datang daripada ahli keluarga atau rakan bukan Muslim. Namun, mereka tidak melihat hal ini sebagai ancaman, sebaliknya sebagai peluang menjelaskan Islam secara lebih bersahaja dan terbuka.

“Uh, uh, mereka tidak tahu bahawa apabila anda memeluk Islam, anda boleh memilih untuk mengekalkan nama asal anda, jadi mereka fikir bahawa saya menjadi Melayu atau seumpamanya, jadi mereka tahu saya menukar nama jadi jawapan (kepada soalan) adalah ya lah, ini adalah sebahagian daripada proses di mana mereka menolak saya kerana saya meninggalkan nama keluarga.” (INFO5 berusia 37 tahun memeluk Islam pada tahun 2011).

Apabila ibu bapa INFO6 mengetahui bahawa beliau telah memeluk Islam, mereka menganggap tindakan tersebut sebagai usaha untuk meninggalkan nama keluarga, lalu menyingkirkan beliau daripada keluarga selama enam bulan. Berdasarkan pemerhatian dan kajian penulis, ramai mualaf mengalami situasi yang sama seperti INFO5, di mana mereka disisihkan oleh keluarga, ada yang berhadapan untuk tempoh yang lama, dan ada pula yang hanya sementara. Namun demikian, kebiasaannya mualaf akan terus tekun menyantuni keluarga kandung sehingga keluarga mereka menerima akan pengislaman mereka dengan baik (Nur A'trhiroh, 2022). Melalui interaksi harian yang berterusan dan positif, seperti mencium tangan, memeluk ibu bapa atau menonjolkan akhlak yang baik, mualaf berpeluang menunjukkan nilai dan amalan Islam dalam kehidupan seharian serta menjelaskan tujuan di

sebalik setiap amalan tersebut (Ruhaizah et al., 2022). Apabila keluarga menyaksikan perubahan positif dalam tingkah laku dan akhlak anak mereka, akhirnya mereka cenderung untuk menerima kembali anak tersebut ke dalam keluarga.

Keadaan yang sama turut dialami oleh INFO5, yang menyatakan bahawa proses pemelukkan Islam telah membawa perubahan ketara dalam dirinya dari tiga aspek utama: peningkatan disiplin diri, perubahan gaya hidup ke arah yang lebih positif, serta pengamalan adab dan nilai-nilai Islam dalam kehidupan harian. Beliau menghuraikan pengalamannya seperti berikut:

“Mengapa keluarga saya akhirnya menerima saya. Jadi pertama perubahan saya menjadi lebih berdisiplin. sebelum saya menukar agama, saya berada di sebuah perniagaan, pengurusan acara kerana anda tahu, pada waktu siang saya bekerja pada waktu malam saya tidak pernah tidur. Dan kemudian (kedua) perubahan gaya hidup, saya jadi ya, saya seorang peminum.....Eh, lepas tu aku syahadah, saya berhenti, saya betul-betul berhenti. OK dan kemudiannya, yang ketiga ialah perubahan dalam adab. Adab seorang Muslim. Mereka diajar dalam bahasa Islam, anda tahu. Sebelum saya Islam adalah benar-benar janggal dan benar-benar pelik. Kamu tahu salam dengan ibu bapa saya, untuk memeluk ibu bapa saya, ia bukan dalam budaya kita.” (INFO5 berusia 37 tahun memeluk Islam pada tahun 2011).

Mualaf Cina sering menggunakan pengalaman peribadi mereka dalam menyampaikan keindahan Islam, bukan melalui hujah teologi semata-mata, tetapi melalui akhlak dan perubahan diri yang menjadi teladan. Dengan kebolehan bertutur dalam bahasa ibunda mereka, mualaf Cina mampu menarik minat orang Cina yang belum beragama Islam. Mereka memainkan peranan untuk mendekati kedua-dua Muslim nominal untuk menjadi Muslim yang lebih baik dan menyebarkan mesej Islam kepada bukan Islam. INFO2 menceritakan pengalamannya seperti berikut:

“saya memulakannya ketika saya di UK sedangkan ketika itu tidak ramai orang Islam. Jadi saya fikir ia adalah tugas saya dan panggilan saya untuk membantu menyebarkan mesej kepada orang yang bukan Muslim di UK. Tetapi bila saya pulang ke Malaysia, ia adalah senario yang berbeza, bukan kerana kita tidak mempunyai orang bukan Islam di sini, cuma sebabnya berbeza. Dan ini adalah satu cara untuk saya memberitahu keluarga saya bahawa, “lihat, saya seorang Cina. Saya adalah Cina dan Islam bukan sahaja untuk Melayu. Ia bukan sahaja untuk Melayu, boleh jadi untuk Cina, untuk India, untuk sesiapa sahaja.” (INFO2 berusia 40 tahun, memeluk Islam pada tahun 2002).

Dakwah mereka berorientasikan kehidupan seharian, seperti menekankan keadilan, kebersihan, hormat kepada orang tua, dan nilai kekeluargaan iaitu nilai yang berpadanan dengan ajaran Konfusianisme. Justeru, mualaf Cina memainkan peranan yang penting dalam dialog antara agama yang dikenali sebagai dialog kehidupan ini dari aspek “intra-etnik” dan “inter-etnik” dalam memupuk keharmonian dan perpaduan di Malaysia. Ini sangat disetujui oleh INFO5 dengan keterangan seperti berikut:

“kita mualaf Cina muslim di negara ini, khususnya di Malaysia mempunyai tanggungjawab yang sangat besar pada pendapat saya. Kitalah yang sepatutnya menjadi jambatan. OK, jambatan antara masyarakat Islam dan masyarakat bukan Islam, masyarakat Melayu dan juga masyarakat Cina. Jadi kita bertindak sebagai jambatan. Kami dapat berkomunikasi dengan baik dengan masyarakat bukan Islam, masyarakat Cina bukan Islam dan kami sentiasa boleh bergaul dalam masyarakat Islam yang majoritinya adalah Melayu. Jadi kita sepatutnya menjadi jambatan, dan masyarakat Cina Muslim sepatutnya menjadi ikon, sepatutnya menjadi agen bagi perpaduan negara, sepatutnya.” (INFO5 berusia 37 tahun memeluk Islam pada tahun 2011).

Mereka bukan sahaja menjadi contoh kepada keluarga dan komuniti, malah turut memainkan peranan penting sebagai jambatan antara kaum dan agama yang berbeza. Mualaf yang menetap dalam komuniti Muslim berpeluang mempelajari dengan dominan nilai-nilai agama diamalkan dalam kehidupan seharian secara tidak langsung dan semula jadi melalui satu proses yang dikenali sebagai “*dialog kehidupan*”. Dialog kehidupan merujuk kepada proses pembelajaran, pemahaman, dan penghayatan terhadap agama lain yang berlaku menerusi perkongsian hidup dan interaksi harian. Melalui proses ini, setiap individu yang terlibat dapat memperoleh pengetahuan tentang kepercayaan dan budaya pihak lain secara spontan serta tanpa paksaan (Azarudin, 2022). Pengalaman seperti yang dikongsi oleh INFO2 dan INFO5 menggariskan bagaimana mualaf ini menyesuaikan mesej dakwah mengikut konteks masyarakat dan menjadikan identiti hibrid mempromosikan keharmonian, keterbukaan, dan perpaduan dalam masyarakat majmuk Malaysia.

Peranan Mualaf sebagai Pengantara Budaya dan Keagamaan

Informan menunjukkan keupayaan berfungsi sebagai ‘*translator budaya*’ yang menjelaskan Islam dengan mengambil kira kod budaya Cina. Misalnya, mereka menggunakan istilah dan analogi yang lebih mesra budaya dalam memperkenalkan konsep-konsep Islam kepada rakan-rakan Cina mereka:

“Tidak, saya tidak boleh menukar darah saya. Darah saya adalah Cina, tetapi saya tidak boleh menukar darah saya kepada bukan darah Cina. DNA saya

adalah orang Cina dan saya tidak boleh menukar DNA saya. Sesuatu yang anda tidak boleh ubah. Ini adalah etnik yang anda tidak boleh ubah. Juga sesuatu yang anda tidak boleh mengubah akar keluarga anda. Nasab anda adalah sesuatu yang anda tidak boleh ubah. Ini adalah perkara yang anda tidak boleh ubah, jadi saya kekal identiti saya sebagai seorang Hakka, adalah seorang Cina. Saya bercakap Bahasa (Cina), saya bercakap dialek (Hakka). Uhm, begitulah cara saya berkomunikasi dengan orang ramai dengan rakan-rakan saya dan keluarga saya. Saya tetap begitu. Selain daripada itu, saya tidak pernah melihat diri saya sebagai orang lain kecuali rakyat Malaysia, Muslim dan Cina Hakka.” (INFO2 berusia 40 tahun, memeluk Islam pada tahun 2002).

Fungsi ini mencerminkan konsep *cultural broker* (Boissevain, 1974), iaitu individu yang mampu merentas sempadan budaya dan mentafsir nilai antara dua komuniti. Dalam hal ini, mualaf memainkan peranan sebagai perantara makna yang bukan hanya dari segi bahasa, tetapi juga dari segi norma dan persepsi. Kebolehan mereka memahami sistem nilai budaya asal serta menghayati nilai-nilai Islam membolehkan mereka menjadi penghubung yang efektif antara dua komuniti yang lazimnya berjarak dari segi pemahaman dan kepercayaan.

Informan turut menceritakan peranan mereka dalam menjelaskan kepada masyarakat Muslim tentang adat dan cara hidup Cina yang tidak bercanggah dengan Islam. Mereka sering menjadi “penterjemah budaya” dalam acara keagamaan, perkahwinan, dan dialog antara agama. Peranan ini amat penting dalam mengurangkan stereotaip dan ketegangan antara kaum.

“Jadi kita sebagai orang mualaf Cina Muslim kita boleh menerangkan kepada orang Melayu “anda tidak sepatutnya melakukan in”, atau” anda tidak sepatutnya melakukan itu”. Atau “jika anda pergi ke majlis perkahwinan Cina, anda tidak memberi sapu tangan”, anda tahu, seperti biasanya mereka telah membuat tangkapan yang salah kerana pemberian sapu tangan itu simbolik mengelap air mata (simbol kesedihan). Dan sama juga macam nak bagi sampul merah, maklumlah sampul ang pow tu mesti merah. Semasa Tahun Baru Cina, jadi ang pow perlu dalam warna merah. Anda tahu, kerana beberapa tahun lalu ada seorang ahli politik memberikan wang ang pow dalam sampul putih. Anda tidak sensitif budaya, jadi masyarakat Cina merasa tersinggung, mereka merasa tersinggung, tetapi mereka masih menerima ang pow itu. (INFO6 berusia 47 tahun memeluk Islam pada tahun 1996)

“ Secara tradisinya, perayaan Cina adalah berdasarkan musim. Jadi seperti musim bunga anda mendapat Tahun Baru Cina dan berakhir dan kemudian pada masa musim sejuk anda mempunyai Solace musim sejuk dan pada masa musim luruh anda mempunyai Festival kuih bulan jadi ini semua berdasarkan sangat berdasarkan musim kami. Apabila masa berubah dan kemudian hanya orang

yang menjadikannya lebih diingat dan menambah beberapa upacara dan apa yang anda panggil identiti agama ke dalamnya supaya saya boleh keluaran. Saya boleh mengeluarkan agama dan juga perkara ritual dari perayaan dan saya melihat perayaan ini sebagai dua perkara.

Nombor satu adalah untuk mengingatkan masa. Jadi apa yang berlaku sekarang, seterusnya dan seterusnya begitu. Ia seperti musim masa dengan perubahan masa. Perkara kedua adalah untuk keluarga berkumpul. (INFO2 berusia 40 tahun, memeluk Islam pada tahun 2002).

Dengan latar belakang budaya Cina yang mereka miliki, para mualaf ini dapat menjelaskan adat dan amalan yang sering disalahfahami oleh masyarakat Muslim, sekali gus membantu mengurangkan stereotaip serta ketegangan antara kaum. Mereka menjadi penghubung dua dunia yakni antara Islam dan budaya Cina dengan menyampaikan pengetahuan secara sensitif dan penuh hikmah. Pengalaman INFO2 dan INFO6 menunjukkan bahawa peranan ini bukan hanya bersifat informatif, tetapi juga membentuk ruang dialog dan saling menghormati dalam pertembungan budaya. Keupayaan mereka untuk mentafsir simbol-simbol budaya seperti ang pow, warna, dan adat majlis perkahwinan menurut perspektif Islam menjadikan mereka agen penting dalam mempromosikan kefahaman silang budaya serta keharmonian dalam masyarakat majmuk Malaysia.

Dalam konteks ini, mualaf memainkan peranan penting dalam “*contact zone*” (Pratt, 1991), iaitu ruang di mana pelbagai identiti dan budaya bertembung. Di sinilah, interaksi silang budaya berlaku dan salah faham dapat dijernihkan melalui komunikasi berasaskan kepercayaan dan pertalian keluarga.

Cabaran dan Strategi dalam Mengimbangi Identiti Budaya dan Agama

Walaupun terdapat kesedaran dan komitmen terhadap peranan dakwah, informan turut berhadapan dengan cabaran dalam mengimbangi identiti budaya dan agama. Sesetengah mereka merasakan tekanan daripada komuniti Muslim yang menganggap mereka perlu ‘menjadi Melayu sepenuhnya’ bagi membuktikan keislaman mereka, manakala keluarga asal pula menyangka mereka telah meninggalkan budaya Cina sepenuhnya.

Ini menunjukkan adanya ketegangan identiti yang perlu diurus dengan bijaksana. Dalam kerangka identiti hibrid (Hall, 1990), mualaf dilihat sebagai pemegang identiti yang tidak tetap, tetapi berubah-ubah mengikut ruang sosial dan konteks interaksi. Strategi yang digunakan termasuklah menegaskan bahawa adanya pemisahan antara budaya dan akidah, mengintegrasikan simbol-simbol budaya Cina dalam ruang Islamik (seperti makanan halal Cina, busana berciri etnik); dan menggunakan naratif sejarah Islam dan Cina untuk memperkukuh keserasian antara dua identiti. Pengalaman ini menguatkan hujah bahawa mualaf

Cina Muslim tidak semestinya melepaskan identiti asal untuk menjadi Muslim yang baik, malah integrasi budaya dapat menjadi sumber kekuatan dalam dakwah (Norhana et al., 2024)

Namun demikian, cabaran turut wujud di mana mualaf sering berhadapan dengan stereotaip negatif dari kedua-dua komuniti. Terdapat da;am kalangan mualaf yang dianggap "kelas kedua" oleh komuniti Muslim asal, seperti yang diterangkan oleh INFO5:

“Anda tahu, tetapi mereka dilayan seperti layanan kelas kedua, anda tahu. Eh, dan kemudian orang mempunyai jenis persepsi bahawa, eh, “mereka yang menukar agama. eh, sebab nak duit, nak kahwin saja” dalam hal macam ni.” (INFO5 berusia 37 tahun memeluk Islam pada tahun 2011)

Manakala sebahagian mualaf Cina merasa mereka tidak lagi tergolong dalam komuniti asal. Perasaan berada di tengah-tengah persimpangan ini meletakkan dirinya berada pada suatu tempat yang tidak pasti yang ditandai sebagai “ perantaraan” Muslim tetapi bukan Melayu. INFO3 menerangkan perasaannya seperti berikut:

“Saya rasa kita perlahan-lahan akan longgar identiti, ada krisis. Kita bukan dalam Melayu dan kita bukan dalam Cina, kita di tengah. Tetapi adakah kita mampu menonjolkan diri sebagai komuniti yang berbeza seperti komuniti yang benar-benar kuat sehingga itu harus menjadi sasaran kami. Kerana apabila kita menjadi mualaf Cina kita kebanyakannya berasa sangat keseorangan dan ada kecenderungan untuk kembali kepada agama terdahulu. Jadi, komuniti mualaf Cina Muslim mesti kuat supaya kita rasa bersatu seperti sebuah keluarga.” (INFO3 berusia 30 tahun memeluk Islam pada tahun 2013)

Kewujudan komuniti yang beridentitikan hybrid ini yakni Cina dan Muslim masih belum sepenuhnya diterima dalam wacana arus perdana seperti mana dapatan kajian Zhou (2022). Namun begitu, ada golongan mualaf yang tidak merasakan dirinya dipinggirkan oleh kedua-dua komuniti Cina dan Islam. Contohnya, INFO5 menerangkan bahawa dirinya tidak merasakan tergolong dalam kategori kelas kedua. Petikan di bawah menyentuh aspek psikologi, spiritual dan sosial mualaf yang sedang mencari arah, merasai kesunyian, tetapi pada masa yang sama cuba berdamai dengan keadaan hidup melalui kesedaran bahawa ujian dan pencarian itu sebahagian dari fitrah kehidupan manusia. Beliau menceritakan perasaannya seperti berikut:

“Apa beza saya dengan yang lain? Kenapa saya tidak merasa?” Ya, saya mengalaminya pada situasi yang sama sebelum ini, saya rasa saya keseorangan. Saya tidak tergolong dalam mana-mana komuniti, anda tahu. Dan kemudian apabila kadang-kadang saya tahu bahawa hidup ini dibelenggu. Hidup ini adalah ujian. Saya adalah siapa saya”. (INFO5 berusia 37 tahun memeluk Islam pada tahun 2011).

Namun begitu, transkrip INFO5 juga memperlihatkan ketahanan diri yang tinggi apabila beliau berjaya membina identiti baharu sebagai seorang Cina Muslim dengan mengintegrasikan elemen gaya hidup Islamik dan budaya Cina dalam kehidupan hariannya. Keupayaan ini mencerminkan proses penyesuaian yang bukan sahaja bersifat survival, tetapi juga bersifat transformatif. Hal ini selaras dengan kajian Ta dan Bashrah (2022) yang menyatakan bahawa mualaf berupaya memanfaatkan sumber daya ketahanan daripada penghayatan terhadap ajaran agama dan warisan budaya asal dalam membina jati diri. Proses menyeimbangkan antara pegangan agama dan warisan budaya ini bukan sahaja menyelesaikan konflik identiti, malah meletakkan Muslim Cina sebagai pengantara penting antara komuniti etnik dan agama. Keupayaan ini mencerminkan nilai *al-Ta'ayush* (kewujudan bersama) yang menjadi asas kepada keharmonian masyarakat majmuk di Malaysia. (Norhana et al., 2024).

Kesimpulan dan Cadangan

Kajian ini menunjukkan bahawa komuniti mualaf Cina di Malaysia bukan sahaja mengalami proses transformasi terhadap penghayatan agama, tetapi juga memikul peranan signifikan sebagai agen dakwah dan pengantara budaya. Kesedaran terhadap peranan ini berkembang secara organik melalui pengalaman hidup pasca-*konversi*, khususnya apabila mereka berinteraksi dengan keluarga dan komuniti bukan Muslim. Dalam kapasiti ini, mereka menjelaskan Islam secara kontekstual dengan membina jambatan kefahaman antara dua komuniti, dan mengatasi salah faham melalui pendekatan dakwah yang lunak dan empatik.

Mualaf juga memainkan fungsi penting dalam menegaskan bahawa identiti Islam tidak bersifat eksklusif hanya kepada satu etnik. Mereka cuba menjelaskan bahawa bentuk dakwah tidak hanya berdasarkan ilmu atau retorik, tetapi perlu menonjolkan perwatakan yang islamik, komunikasi antara budaya yang berhemah, dan kemampuan menyepadukan nilai-nilai Islam dengan budaya Cina selagi ianya tidak bercanggah dengan syariat. Hal ini memperkukuhkan lagi gagasan bahawa Islam itu adalah bersifat universal dan boleh diterjemahkan pelaksanaannya dalam pelbagai konteks budaya.

Oleh kerana kajian ini turut menyorot cabaran yang dihadapi mualaf dalam mengekalkan keseimbangan antara identiti budaya dan keagamaan. Maka ketegangan identiti, persepsi stereotaip yang negatif, serta kurangnya ruang pengiktirafan terhadap kepelbagaian ekspresi Muslim turut membatasi potensi mereka sebagai agen dakwah yang lebih efektif. Justeru, pemahaman yang lebih mendalam terhadap realiti identiti hibrid perlu dikembangkan dalam kalangan masyarakat Muslim yang lebih luas.

Kajian ini mencadangkan agar institusi Islam memberikan pengiktirafan dan sokongan yang padu terhadap kerja-kerja dakwah yang dilakukan oleh mualaf, termasuklah keupayaan menggunakan bahasa ibunda dan unsur budaya asal yang tidak bercanggah dengan syariat Islam. Latihan khusus dalam komunikasi antara budaya dan pemeraksanaan ilmu psikologi dakwah juga perlu didedahkan kepada pendakwah mualaf. Di samping itu, naratif Islam yang bersifat trans-etnik harus diperteguhkan untuk mengatasi persepsi etnosentrik terhadap Islam.

Kajian lanjutan disarankan bagi meneroka sumbangan mualaf dalam integrasi sosial dan peranan mereka dalam dialog antara agama di Malaysia.

RUJUKAN

- Arifin, M. (2004). *Psikologi Dakwah: Suatu Pengantar Studi*. Jakarta: Bumi Aksara
- Azarudin Awang. (2022). *Dialog kehidupan Spektrum Komuniti Cina Muslim*. Shah Alam: UiTM Press
- Bayat, Asaf. (2008). Everyday Cosmopolitanism. *ISIM (International for The Study of Islam in The Modern World)* 22:5.
- Boissevain, Jeremy. (1974). *Friends of Friends: Networks, Manipulators and Coalitions*. Oxford: Basil Blackwell.
- Braun, V. and Clarke, V. (2006) Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology* 3 (2):77-101.
- Creswell, J. W. dan Poth, Cheryl N. (2017). *Qualitative Inquiry & Research Design. Choosing Among The Five Approaches*. Fourth Edition. California. USA: Sage Publications.
- Esack, F. (1997). *Qur'an, Liberation and Pluralism: An Islamic Perspective of Interreligious Solidarity against Oppression*. Oxford: Oneworld
- Hall, Stuart. (1989). Cultural Identity and Cinematic Representation. *The Journal of Cinema and Media*, 36: 68-81.
- Hew Wai Weng. (2018). *Chinese Ways of Becoming Muslim*. Oxfordshire: Marston Book Services Limited
- Kamarulzaman Kawi & Nur A'thiroh Masyaa'il Tan Abdullah @ Tan Ai Pao. (2020). Isu dan Cabaran Saudara Kita di Jabatan Agama Islam Sarawak. *BITARA, International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 3(2): 29- 43.
- Maryam Afifah Sabri dan Khazri Osman. (2022). Muslim dan Dakwah. Seminar Dakwah & Wahdah Al-Ummah 2022, *Interaksi Dakwah di Malaysia Merentas Zaman*, 14-15 Julai 2022, Fakulti Pengajian Islam, UKM.
- Norhana Abdullah @ Ng Siew Boey, Azarudin Awang dan Azman Che Mat. (2024). Chinese Muslims and Their Non-Muslim Families on Muamalat Fiqh Co-Existence (Ta'ayush). *Gobal Journal Al-Thaqafah (GJAT)* Special Issue I:49-65.

- Pratt, Mary Louise. (1991). Arts of the Contact Zone *Profession* 91: 33-40.
- Puah, Jasmine Jia Min. Amira Jalillah Binti Roslan and Alexius Weng Onn. (2021). The Inevitable Journey: Understanding the Conversion Process of Muslim Converts in Malaysia and How They Overcome the Challenges from Interracial Marriages. *Malaysian Journal of Qualitative Research* 7(2): 45-58.
- Ruhaizah Abdul Ghani¹, Azarudin Awang, Azman Che Mat, Mila Fursiana Salma Musfiroh. (2024). *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences* 14(7):1753-1764
- Sealy, Thomas. (2021). British Converts to Islam: Continuity, Change, and Religiosity in Religious Identity. *Journal of Contemporary Religion* 36(3): 421-439.
- Siti Haslina Hussin, Noor'ain Aini and Faizah Mas'ud. (2024). Peranan Dan Sokongan Sosial Kumpulan Sokongan Kepada Mualaf Iban dan Bidayuh: Kajian kes Baitul Ilmi, Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia. *Kajian Malaysia (Journal of Malaysian Studies - Early Review)*
- Ta Honn Yu and Bushrah Bt Basiron. (2022). The Resilience of Chinese Reverted Muslims in Facing Double Minorities Status: A Study in Malaysia Context. *Borneo International Journal of Islamic Studies* Vol. 5(1).
- Zhou, Qinyi. (2022). *Being Minority and Majority – Chinese Muslims in Malaysia*. Masters Programme in Asian Studies. Center for East and South East Asian Studies, Lund University, Sweden.